

Langgar undang-undang alam sekitar

Sekat sumber kewangan organisasi

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 17 OKT.

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar mempertimbangkan untuk menyekat sumber kewangan organisasi yang melanggar undang-undang berkaitan alam sekitar dalam operasinya.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (**gambar**) berkata, beliau percaya langkah sedemikian berkesan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan masyarakat dan organisasi yang masih berada pada tahap rendah.

Katanya, perkara itu merupakan salah satu daripada mekanisme tegas yang sedang giat dirancang oleh kementerian.

"Mereka ini tidak perlu menunggu kerajaan mengenakan tindakan keras, ia sesuatu yang tidak bagus. Setelah meneliti beberapa perkara, pihak ke-



Salah satu mekanisme yang saya rasakan berkesan adalah menyekat sumber kewangan organisasi yang terlibat apabila didapati melanggar undang-undang berkaitan alam sekitar ketika beroperasi."

WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar

menterian merancang untuk mewujudkan mekanisme bagi menghukum mereka yang bersalah.

"Salah satu mekanisme yang saya rasakan berkesan adalah menyekat sumber kewangan organisasi yang terlibat apabila didapati melanggar undang-undang berkaitan alam sekitar ketika beroperasi," katanya dalam sidang akhbar Majlis Perasmian Minggu Alam Sekitar Malaysia Peringkat Kebangsaan (MASM) 2015, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Ir. Hamim Samuri dan Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Halimah Hassan.

Sambutan kali

ke-24 itu masih mengekalkan objektif yang sama iaitu memperkasakan kesedaran alam sekitar dalam usaha mempertingkatkan amalan mesra alam dalam kalangan rakyat Malaysia dengan menggunakan tema 'Ya! Teruskan Gaya Hidup Lestari'.

Tambah Wan Junaidi, tindakan drastik merupakan kaedah yang paling berkesan memandangkan masalah melibatkan pencemaran yang berpunca daripada sektor korporat semakin meruncing.

"Bank di luar negara telah melaksanakan kaedah ini dan saya yakin mereka akan lebih berjaga-jaga ketika beroperasi tanpa melanggar undang-undang termasuk menggunakan teknologi hijau.

"Hal ini merujuk kepada pelbagai industri seperti pembinaan, pembangunan, perladangan, agrikultur, perancangan dan banyak lagi," katanya.



BSN

o Malaysia,
ni Sentiasa
sama Anda.